

PM akan letak asas era baru Kelantan

UM - 17/8/2006
KOTA BHARU 16 Ogos - Sokongan rakyat Kelantan terhadap kepimpinan Perdana Menteri akan diperlihatkan semasa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melakukan lawatan kerja selama dua hari ke negeri ini mulai Ahad ini.

Puluhan ribu rakyat akan menghadiri beberapa program khusus sepanjang lawatan beliau yang turut dianggap bakal meletakkan asas baru terhadap perubahan yang sedang dilalui di Kelantan.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa berkata, era kepimpinan Perdana Menteri telah menunjukkan keprihatinan yang tinggi terhadap rakyat dan negeri Kelantan.

Katanya, buat pertama kali dalam sejarah, Kelantan menerima peruntukan tertinggi sebanyak RM7.6 bilion daripada kerajaan pimpinan Abdullah bagi memajukan negeri dan rakyat melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Lawatan sesi bertemu rakyat ini telah dirancang lebih awal sejurus selepas Perdana Menteri umumkan RMK-9 tetapi tertangguh dan kehadiran beliau akan memastikan segala yang diluluskan dapat dilaksanakan segera dan berjalan lancar.

"Lawatan ini juga cukup bererti ketika Kelantan turut terheret dengan polemik politik semasa dan membolehkan Perdana Menteri memberi penjelasan dan rakyat menyatakan sokongan di samping dapat meningkatkan lagi perpaduan UMNO," ujarnya.

Bercakap pada sidang media di sini hari ini mengenai atur cara lawatan Perdana Menteri, beliau yang juga Pengerusi Majlis Kemajuan Kelantan berkata, lawatan kali ini juga lebih memfokuskan ke arah untuk menzahirkan Kelantan dalam satu bentuk baru yang sedang diberi penuh perhatian oleh pimpinan Pusat.

Katanya, Perdana Menteri akan meninjau beberapa sektor penting iaitu pertanian, pendidikan, pelancongan, Koridor Timur dan sebagainya untuk dilaksanakan (RMK-9) bagi merapat jurang wilayah dan juga antara bandar dan desa.

Menurut Annuar, sehari sebelum ketibaan Perdana Menteri, Konvensyen Kemajuan Kelantan kedua dengan penglibatan gabungan anak-anak Kelantan di seluruh negara akan diadakan dan resolusi mengenainya akan diserahkan kepada Abdullah keesokan harinya.